

**Title : Terima Kasih**

**Composer : Jaybon (Compass)**

**Lyricist : LoLoQ (Lunca Emas)**

Manis wajah manis orangnya  
Sehingga tak terasa pahit  
Secangkir kopi ku hirup  
Yang tak bergula

Riang mata riang senyumnya  
Sehingga tak terasa perit  
Dugaan dalam kembara  
Mencari makna

Apa yang dikata  
Cinta yang ku damba  
Tak mungkinkan ku sua  
Selagi belum masa

Sekalipun ke hujung dunia  
Patah balik ke tempat bermula  
Airmata ku berdarah

**c/o**

Terima kasih...Ku tak terhingga  
kerana sudi  
Memberi ihsan  
Terima kasih...Ku terhingga  
Kerana sudi untuk berkorban...